

02 NOV 2002

Mahathir-Pelabur/I

PELABUR TIDAK AKAN MENYESAL KERANA MELABUR DI MALAYSIA

PULAU PINANG, 2 Nov (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata Malaysia akan memastikan bahawa pelabur asing tidak akan menyesal kerana melabur di negara ini.

Beliau berkata kerajaan memberikan sokongan penuh kepada pelabur asing sebagai justifikasi kepada mereka kerana memilih Malaysia sebagai pusat pelaburan.

Dr Mahathir berkata sikap kerajaan yang mesra pelabur sudah terbukti melalui penganjuran dialog tahunan dengan sektor swasta.

Kerajaan sentiasa cuba sedaya upaya untuk menyelesaikan semua masalah yang dibangkitkan pada dialog berkenaan, kata beliau dalam ucapan ringkas pada majlis penyampaian sijil Sirim bagi komputer desktop IBM di sini.

Terdahulu, Dr Mahathir, timbalannya Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, Ketua Menteri Pulau Pinang Tan Sri Dr Koh Tsu Koon dan Timbalan Ketua Menteri Datuk Dr Hilmi Yahaya menyaksikan upacara penyampaian Standard IEC 60950 kepada IBM oleh Sirim.

Naib Presiden Sirim Abdul Aziz Abdul Manan menyampaikan sijil itu kepada naib presiden Sanmina-SCI Pulau Pinang Lim Yook Yuen. Sanmina-SCI ialah pengeluar komputer IBM di Malaysia.

Pengarah Urusan IBM Malaysia Voon Seng Chuan berkata keputusan IBM untuk memindahkan proses pengeluaran PC syarikat itu ke Pulau Pinang akan memberikan hasil lebih baik kepada rangkaian bekalan bersepadu bagi pelanggan Asean syarikat itu.

"Melalui perancangan yang teliti dan pelaksanaan strategi pembangunan bersepadu sejak dua dekad lepas, Pulau Pinang telah membina reputasi sebagai pusat pelaburan utama di rantau Asean dan Asia Pasifik," kata Voon.

IBM mensasarkan untuk mengeluarkan 200,000 unit PC di Malaysia setahun bagi pasaran Asean.

-- BERNAMA

AZE YBY RHM